



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 286

AKTA FITNAH 1957  
(Disemak—1983)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Defamation Act 1957* sebagaimana disemak dalam tahun 1983. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak hingga ... .. 10hb Mei 1983

Tarikh ditetapkan untuk mula  
berkuatkuasa ... .. 18hb Ogos 1983

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 28hb Julai 1983



Dikanunkan dalam tahun 1957 sebagai Ord. P.T.M. No. 20 Tahun 1957.

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 286****AKTA FITNAH 1957****(Disemak—1983)****SUSUNAN SEKSYEN**

## Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Pernyataan yang disiarkan.
4. Slander terhadap wanita.
5. Slander menyentuh reputasi perjawatan, profesional atau perniagaan.
6. Slander terhadap hakmilik, dsb.
7. Fitnah yang tak sengaja.
8. Justifikasi.
9. Komen berpatutan.
10. Permintaan maaf dalam pengurangan gantirugi.
11. Laporan prosiding kehakiman.
12. Perlindungan bersyarat bagi suratkhobar.
13. Pemakaian Akta bagi penyiaran.
14. Pembatasan perlindungan pada masa pilihanraya.
15. Perjanjian untuk indemniti.
16. Keterangan mengenai gantirugi lain yang didapati oleh plaintif.
17. Penyatuan tindakan kerana libel.
18. Pentaksiran ganti rugi berasingan dalam hal tertentu dalam tindakan kerana libel.
19. Pengasingan pembelaan.
20. Penyatuan tindakan kerana slander, dsb.
21. Peruntukan peralihan dan kecualian.
22. Mansuh.

## JADUAL—

BAHAGIAN I.

BAHAGIAN II.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 286

## AKTA FITNAH 1957

(Disemak—1983)

Suatu Akta berhubungan dengan undang-undang libel dan slander dan kepalsuan berniat-jahat yang lain.

[*Malaysia Barat—1hb Julai 1957.*]  
[*Sabah dan Sarawak—6hb Mei 1965.*] P.U. 179/65.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fitnah 1957. Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“mesyuarat awam” ertinya suatu mesyuarat yang diadakan *bona fide* dan menurut undang-undang bagi maksud yang sah di sisi undang-undang dan bagi memajukan atau membincangkan apa-apa perkara mengenai urusan awam sama ada kemasukan ke mesyuarat itu adalah umum atau terhad;

“penyiaran dengan cara komunikasi radio” ertinya penerbitan bagi penerimaan am dengan cara komunikasi radio dalam erti Akta Telekomunikasi 1950, dan termasuk pancaran serentak melalui talian telekomunikasi mengikut lesen yang diberi bagi maksud itu di bawah Akta Telekomunikasi mengenai perkataan-perkataan yang disiarkan dengan cara komunikasi radio; Akta 20.

“perkataan-perkataan” meliputi gambar, imej visual, isyarat, dan cara-cara lain untuk menyatakan maksud;

“suratkhabar” ertinya apa-apa kertas yang mengandungi berita-berita awam atau pemerhatian ke atasnya atau mengandungi keseluruhannya atau sebahagian besarnya iklan-iklan yang dicetak untuk

dijual dan disiarkan di Malaysia sama ada secara berkala atau dalam bahagian atau dalam bilangan pada lat tempoh yang tidak melebihi tiga puluh enam hari.

Pernyataan yang disiarkan.

3. Bagi maksud undang-undang libel dan slander, penyiaran perkataan-perkataan dengan cara komunikasi radio hendaklah dianggap sebagai penerbitan dalam bentuk tetap.

Slander terhadap wanita.

4. Perkataan-perkataan yang dituturkan dan diterbitkan yang menuhmah mana-mana wanita atau gadis tiada kesucian atau berzina tidak menghendaki kerugian khas untuk menjadikannya boleh diambil tindakan.

Slander menyentuh reputasi perjawatan, profesional atau perniagaan.

5. Dalam sesuatu tindakan kerana slander berkenaan dengan perkataan-perkataan yang dikira menghina plaintif dalam mana-mana jawatan, profesion, pekerjaan, tred atau perniagaan yang dipegang atau dijalankan olehnya pada masa penerbitan, adalah tidak perlu untuk mengatakan atau membuktikan kerugian khas sama ada atau tidak perkataan-perkataan dituturkan berkenaan dengan plaintif menjadi rintangan dalam jawatan, profesion, pekerjaan, tred atau perniagaannya.

Slander terhadap hakmilik, dsb.

6. (1) Dalam mana-mana tindakan kerana slander terhadap hakmilik, slander terhadap barang-barang atau kepalsuan berniat-jahat yang lain, adalah tidak perlu untuk mengatakan atau membuktikan kerugian khas—

- (a) jika perkataan-perkataan ke atas mana tindakan diasaskan dikira menyebabkan kerugian wang kepada plaintif dan diterbitkan dalam tulisan atau bentuk tetap yang lain; atau
- (b) jika perkataan-perkataan tersebut dikira menyebabkan kerugian wang kepada plaintif berkenaan dengan mana-mana jawatan, profesion, pekerjaan, tred atau perniagaan yang dipegang atau dijalankan olehnya pada masa penerbitan itu.

(2) Seksyen 3 Akta ini terpakai bagi maksud-maksud seksyen ini sebagaimana ianya terpakai bagi maksud-maksud undang-undang libel dan slander.

7. (1) Seseorang yang telah menerbitkan perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah terhadap mana-mana orang lain, jika dia menuntut bahawa perkataan-perkataan itu diterbitkan dengan ikhlas olehnya berhubung dengan orang lain itu, boleh membuat tawaran penyelesaian di bawah seksyen ini; dan dalam mana-mana hal sedemikian—

Fitnah  
yang  
tak sengaja.

(a) jika tawaran itu diterima oleh pihak yang terkilang dan dilaksanakan dengan sewajarnya, tiada apa-apa prosiding kerana libel atau slander boleh diambil atau diteruskan oleh pihak itu terhadap orang yang membuat tawaran itu berkenaan dengan penerbitan yang dipersoalkan (tetapi tanpa menjejaskan mana-mana kuasa tindakan terhadap mana-mana orang lain yang bertanggungjawab bersesama bagi penerbitan itu);

(b) jika tawaran itu tidak diterima oleh pihak yang terkilang, maka, kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya oleh seksyen ini, ianya hendaklah menjadi pembelaan, dalam mana-mana prosiding olehnya kerana libel atau slander terhadap orang yang membuat tawaran itu berkenaan dengan penerbitan yang dipersoalkan, untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang diadukan itu telah diterbitkan oleh defendan atau telah diterbitkan oleh defendan dengan ikhlas berhubung dengan plaintif dan bahawa tawaran itu telah dibuat dengan seberapa segera yang praktik selepas defendan menerima notis bahawa perkataan-perkataan itu adalah atau mungkin berupa fitnah terhadap plaintif, dan masih belum ditarik balik.

(2) Sesuatu tawaran penyelesaian di bawah seksyen ini mestilah dinyatakan dibuat bagi maksud-maksud seksyen ini, dan mestilah disertakan dengan suatu affidavit menyatakan fakta-fakta yang orang yang membuatnya bergantung kepada untuk menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang dipersoalkan itu telah diterbitkan dengan ikhlas olehnya berhubungan dengan pihak yang terkilan itu; dan bagi maksud-maksud pembelaan di bawah seksyen 7 (1) (b) tiada apa-apa keterangan, selain daripada keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam affidavit itu, boleh diterima bagi pihak orang itu untuk membuktikan bahawa perkataan-perkataan itu telah diterbitkan sedemikian.

(3) Sesuatu tawaran penyelesaian di bawah seksyen ini hendaklah difahamkan bererti suatu tawaran—

(a) dalam apa-apa hal, untuk menerbit atau turut sama dalam menerbitkan suatu pembedulan yang sesuai akan perkataan-perkataan yang diadukan itu, dan permintaan maaf yang memadai kepada pihak yang terkilan berkenaan dengan perkataan-perkataan itu;

(b) jika salinan-salinan dokumen atau rekod yang mengandungi perkataan-perkataan tersebut telah dibahagikan oleh atau dengan pengetahuan orang yang membuat tawaran itu, untuk mengambil apa-apa langkah yang semunasabahnya praktik bagi pihaknya untuk memberitahu orang-orang yang kepadanya salinan-salinan telah dibahagikan sedemikian bahawa perkataan-perkataan itu adalah dikatakan fitnah terhadap pihak yang terkilan itu.

(4) Jika sesuatu tawaran penyelesaian di bawah seksyen ini diterima oleh pihak yang terkilan—

(a) apa-apa soalan mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk menunaikan tawaran yang diterima sedemikian, jika tidak ada perjanjian antara pihak-pihak itu, hendaklah

dirujukkan kepada dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, yang mana keputusannya adalah muktamad;

- (b) kuasa Mahkamah untuk membuat perintah mengenai kos dalam prosiding oleh pihak yang terkilan terhadap orang yang membuat tawaran berkenaan dengan penerbitan yang dipersoalkan, atau dalam prosiding berkenaan dengan tawaran di bawah seksyen 7 (4) (a), hendaklah meliputi kuasa untuk memerintahkan orang yang membuat tawaran itu membayar kos atas dasar indemniti kepada pihak yang terkilan dan apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung atau akan ditanggung oleh pihak itu berbangkit daripada penerbitan yang dipersoalkan itu.

dan jika tiada prosiding yang tersebut dahulu diambil, Mahkamah Tinggi, atas permohonan yang dibuat oleh pihak yang terkilan itu, boleh membuat apa-apa perintah sedemikian bagi pembayaran apa-apa kos dan perbelanjaan yang tersebut dahulu yang boleh dibuat dalam prosiding sedemikian.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini, perkataan-perkataan hendaklah dianggap sebagai diterbitkan oleh seorang (dalam subseksyen itu disebut sebagai penerbit) dengan ikhlas berhubungan dengan seorang lain jika dan hanya jika syarat-syarat berikut dipenuhi, iaitu—

- (a) bahawa penerbit itu tidak berniat untuk menerbitkan perkataan-perkataan itu mengenai dan berkenaan dengan orang lain itu, dan tidak mengetahui hal-keadaan menurut mana yang perkataan-perkataan itu boleh difahamkan sebagai merujuk kepadanya; atau
- (b) bahawa perkataan-perkataan itu tidak berupa fitnah pada permukaannya, dan penerbit itu tidak mengetahui hal-keadaan menurut mana perkataan-perkataan itu boleh difahamkan sebagai fitnah terhadap orang lain itu;

dan dalam mana-mana satu hal bahawa penerbit itu bertindak dengan cermat yang munasabah berhubungan dengan penerbitan itu; dan apa-apa sebutan dalam subseksyen ini mengenai penerbit hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai mana-mana pengkhidmat atau ejennya yang kena-mengena dengan kandungan penerbitan itu.

(6) Seksyen 7 (1) (b) tidak terpakai berhubungan dengan penerbitan oleh mana-mana orang akan perkataan-perkataan yang dia bukan pengarangnya melainkan jika dia membuktikan bahawa perkataan-perkataan itu ditulis oleh pengarang itu tanpa niat-jahat.

**Justifikasi.** 8. Dalam sesuatu tindakan kerana libel atau slander berkenaan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi dua atau lebih pertuduhan berlainan terhadap plaintif, suatu pembelaan justifikasi tidak akan gagal dengan sebab hanya bahawa kebenaran tiap-tiap pertuduhan itu tidak dibuktikan jika perkataan-perkataan tidak dibuktikan sebagai benar itu tidak akan pada matannya merosakkan reputasi plaintif dengan memberi perhatian kepada kebenaran pertuduhan bakinya.

**Komen berpatutan.** 9. Dalam sesuatu tindakan kerana libel atau slander berkenaan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi sebahagian daripadanya pengatahan fakta dan sebahagian daripadanya pernyataan pendapat, suatu pembelaan komen berpatutan tidak akan gagal dengan sebab hanya bahawa kebenaran tiap-tiap pengatahan fakta tidak dibuktikan jika pernyataan pendapat itu adalah komen berpatutan dengan memberi perhatian kepada mana-mana daripada fakta-fakta yang dikatakan atau dirujukkan dalam perkataan-perkataan yang diadukan sebagaimana dibuktikan.

**Permintaan maaf dalam pengurangan gantirugi.** 10. (1) Dalam mana-mana tindakan kerana fitnah, defendan (selepas notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian diberi dengan sewajarnya kepada plaintif pada masa pemfailan pernyataan bertulis mengenai kesnya) boleh memberi dalam

keterangan, dalam pengurangan ganti rugi, bahawa dia telah memberi atau menawarkan permintaan maaf kepada plaintif bagi fitnah tersebut sebelum dimulakan tindakan tersebut atau sebaik sahaja selepas itu yang dia mempunyai peluang untuk berbuat sedemikian sekiranya tindakan sepatutnya telah dimulakan sebelum adanya peluang memberi atau menawarkan permintaan maaf tersebut.

(2) Dalam sesuatu tindakan kerana libel yang terkandung dalam mana-mana suratkhbar, seseorang defendan yang telah membayar wang ke dalam mahkamah di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan prosedur sivil boleh menyatakan dalam pengurangan ganti rugi, dalam pernyataan bertulis kesnya, bahawa libel tersebut telah dimasukkan ke dalam suratkhbar itu tanpa niat-jahat sebenarnya dan tanpa kecuaiian melampau dan bahawa, sebelum dimulakan tindakan itu atau pada peluang terawal selepasnya, dia memasukkan atau menawarkan untuk dimasukkan ke dalam suratkhbar itu suatu permintaan maaf sepenuhnya bagi libel itu, atau, jika suratkhbar di dalam mana libel itu terdapat patut pada biasanya diterbitkan pada lat tempoh melebihi satu minggu, telah menawarkan untuk diterbitkan permintaan maaf tersebut dalam mana-mana suratkhbar yang dipilih oleh plaintif dalam tindakan itu.

11. (1) Sesuatu laporan yang berpatutan dan tepat dan laporan semasa bagi prosiding yang didengar secara awam di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan kuasa kehakiman secara sahnyanya di dalam Malaysia dan mengenai penghakiman, hukuman atau dapatan oleh mana-mana mahkamah sedemikian hendaklah terlindung secara mutlak, dan apa-apa komen yang berpatutan dan *bona fide* mengenainya hendaklah dilindungi, walaupun penghakiman, hukuman atau dapatan tersebut kemudiannya diakaskan, dibatalkan atau diubahkan, melainkan jika

Laporan  
prosiding  
kehakiman.

pada masa penerbitan laporan atau komen itu, defendan yang menuntut perlindungan yang diberi oleh seksyen ini, mengetahui atau patut mengetahui akan pengakasan, pembatalan atau perubahan itu.

(2) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh membenarkan penerbitan apa-apa perkara cercaan, hasutan atau lucah atau apa-apa perkara yang penerbitannya dilarang oleh undang-undang.

Perlindungan  
bersyarat  
bagi  
suratkhabar.

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, penerbitan dalam suratkhabar mengenai apa-apa laporan atau perkara lain yang tersebut dalam Bahagian I kepada Jadual Akta ini hendaklah terlindung melainkan jika penerbitan itu dibuktikan dibuat dengan niat-jahat.

(2) Dalam sesuatu tindakan kerana libel berkenaan dengan penerbitan mana-mana laporan atau perkara yang tersebut dalam Bahagian II kepada Jadual Akta ini, peruntukan-peruntukan seksyen ini tidak akan menjadi pembelaan jika ianya dibuktikan bahawa defendan telah diminta oleh plaintif untuk menyorbitkan dalam suratkhabar di mana penerbitan asalnya telah dibuat suatu surat atau pernyataan yang munasabah berupa huraian atau sangkalian, dan defendan telah menolak atau mengabaikan daripada berbuat sedemikian, atau telah berbuat demikian dengan cara yang tidak mencukupi atau tidak munasabah dengan memberi perhatian kepada semua hal-keadaan.

(3) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melindungi penerbitan apa-apa perkara cercaan, hasutan atau lucah atau apa-apa perkara yang penerbitannya dihalang oleh undang-undang, atau apa-apa perkara yang bukan urusan awam dan penerbitannya bukan untuk faedah awam.

(4) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghadkan atau mengurangkan apa-apa perlindungan yang wujud (melainkan menurut

kuasa Enakmen Libel Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Ordinan Libel Negeri-Negeri Selat yang dimansuhkan oleh Akta ini) sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

*N.M.B.  
Bab 70.  
N.S.  
Bab 56.*

13. (1) Peruntukan-peruntukan Akta ini adalah terpakai berhubungan dengan laporan atau perkara yang disiarkan secara komunikasi radio sebagai sebahagian daripada mana-mana rancangan atau perkhidmatan yang diperuntukkan melalui stesen penyiaran dalam Malaysia, dan berhubungan dengan mana-mana penyiaran secara komunikasi radio mengenai mana-mana laporan atau perkara sedemikian, sebagaimana ianya terpakai berhubungan dengan laporan dan perkara yang diterbitkan dalam sesuatu suratkhobar dan kepada penerbitan dalam sesuatu suratkhobar.

*Pemakaian  
Akta bagi  
penyiaran.*

(2) Seksyen 10 (2) hendaklah mempunyai kesan berhubungan dengan penyiaran sedemikian seolah-olah bagi perkataan-perkataan “untuk dimasukkan ke dalam suratkhobar itu” digantikan dengan perkataan-perkataan “untuk diterbitkan dengan cara yang sama” dan seksyen 12 (2) hendaklah mempunyai kesan kepada mana-mana penyiaran itu, seolah-olah perkataan-perkataan “dalam suratkhobar di mana” digantikan dengan perkataan-perkataan “dengan cara di mana”.

(3) Dalam seksyen ini “stesen penyiaran” ertinya mana-mana stesen komunikasi radio berkenaan dengan suatu lesen yang diberi di bawah Akta Telekomunikasi 1950, yang adalah lesen yang (dengan apa jua bentuk perkataan) membenarkan penggunaan stesen itu bagi maksud mengadakan perkhidmatan penyiaran untuk penerimaan am.

*Akta 20.*

14. Sesuatu pernyataan fitnah yang diterbitkan oleh atau bagi pihak seorang calon dalam mana-mana pilihanraya kepada pihak berkuasa tempatan atau kepada Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan atau badan lain yang dipilih atau badan yang separa dipilih tidak boleh disifatkan sebagai diterbitkan

*Pembatasan  
perlindungan  
pada masa  
pilihanraya.  
[Gan.  
P.U. 179/65.]*

dalam keadaan terlindung atas alasan bahawa ianya adalah material kepada soalan dalam isu di pilihanraya itu, sama ada atau tidak yang menerbitkannya adalah layak untuk mengundi di pilihanraya itu.

Perjanjian  
untuk  
indemniti.

**15.** Sesuatu perjanjian untuk mengindemniti mana-mana orang terhadap liabiliti sivil kerana libel berkenaan dengan penerbitan mana-mana perkara adalah tidak menyalahi undang-undang kecuali jika pada masa penerbitan orang itu mengetahui bahawa perkara itu adalah fitnah, dan tidak semunasabahnya mempercayai bahawa ada pembelaan yang baik kepada mana-mana tindakan yang dibawa ke atasnya.

Keterangan  
mengenai  
ganti rugi  
lain yang  
didapati  
oleh  
plaintif.

**16.** Dalam mana-mana tindakan kerana libel atau slander, defendan boleh memberi keterangan untuk mengurangkan ganti rugi bahawa plaintif telah mendapat ganti rugi atau telah membawa tindakan bagi mendapatkan ganti rugi, kerana libel atau slander berkenaan dengan penerbitan perkataan-perkataan yang bermaksud sama dengan perkataan-perkataan yang tindakan itu berasaskan, atau telah menerima atau bersetuju menerima pampasan berkenaan dengan mana-mana penerbitan sedemikian.

Penyatuan  
tindakan  
kerana  
libel.

**17.** (1) Apabila permohonan dibuat oleh dua orang defendan atau lebih dalam tindakan berkenaan dengan libel yang sama atau secara substansialnya adalah sama dengan yang dibawa oleh seorang dan orang yang sama, mahkamah atau Hakim boleh membuat suatu perintah bagi menyatukan tindakan-tindakan itu supaya ianya boleh dibicarakan bersama.

(2) Selepas mana-mana perintah sedemikian telah dibuat dan sebelum perbicaraan tindakan-tindakan tersebut, defendan-defendan dalam mana-mana tindakan baharu yang dimulakan berkenaan dengan libel yang sama atau secara substansialnya adalah sama hendaklah juga berhak supaya dicantumkan dalam satu tindakan bersama atas permohonan bercantum oleh defendan-defendan baharu tersebut dan defendan-defendan dalam tindakan yang telah pun disatukan itu.

(3) Mahkamah atau Hakim, dalam hal libel yang sama atau secara substansialnya adalah sama yang diterbitkan serentak dalam beberapa suratkhbar atau yang disalinkan sejurus selepas penerbitan boleh memberi notis kepada plaintif dalam mana-mana tindakan atau tindakan-tindakan yang berbangkit daripada libel tersebut bahawa suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis itu akan dibenarkan bagi penzahiran mana-mana penerbitan selanjutnya mengenai libel itu supaya keseluruhan tindakan yang berbangkit daripada libel itu boleh dibicarakan bersama, dan selepas habis tempoh sedemikian, tiada apa-apa tindakan selanjutnya boleh dimulakan berkenaan dengan penerbitan libel itu kecuali bagi mendapatkan ganti rugi khas.

(4) Dalam sesuatu tindakan yang disatukan di bawah seksyen ini, keseluruhan amaun ganti rugi (jika ada) hendaklah ditaksirkan dalam satu jumlah tetapi suatu penghakiman berasingan hendaklah diberi berkenaan dengan tiap-tiap defendan dengan cara yang sama seolah-olah tindakan-tindakan yang disatukan itu telah dibicarakan berasingan.

(5) Amaun ganti rugi yang ditaksirkan sedemikian sebagaimana tersebut dahulu hendaklah diumpukkan di antara kalangan defendan-defendan yang terhadapnya penghakiman telah diberi dan jika kos diberi kepada plaintif, mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang didapatinya saksama mengumpukkan kos di kalangan defendan-defendan yang terakhir disebut.

**18.** Apabila dalam sesuatu tindakan kerana libel plaintif mendakwa lebih daripada seorang defendan, sama ada bersesama, berasingan atau dalam alternatif, dan keterangan diberi mengenai niat-jahat seorang defendan atau mengenai apa-apa perkara lain yang memburukkan yang tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadap mana-mana defendan lain jika dia didakwa berseorangan, defendan lain itu boleh memohon kepada mahkamah supaya ganti rugi terhadap dirinya sendiri dan defendan bersamanya

Pentaksiran  
ganti rugi  
berasingan  
dalam hal  
tertentu  
dalam  
tindakan  
kerana  
libel.

ditaksirkan berasingan, dan jika permohonan sedemikian dibuat, mahkamah hendaklah mentaksir ganti rugi berasingan terhadap tiap-tiap seorang defendan dan tiada seorang pun defendan boleh bertanggung atau tiada apa-apa pelaksanaan boleh dikeluarkan terhadapnya bagi ganti rugi yang selanjutnya atau ganti rugi lain selain daripada yang akan ditaksirkan terhadapnya.

Pengasingan\_  
pembelaan.

**19.** Apabila dalam mana-mana tindakan kerana libel plaintif mendakwa lebih daripada seorang defendan, sama ada bersesama, berasingan atau dalam alternatif, tiap-tiap defendan boleh memfail satu pernyataan berasingan mengenai kesnya dan hadir di perbicaraan melalui peguam yang berasingan atau jika difikirkannya patut, meminta maaf atau membayar wang ke dalam mahkamah atau membuat penyelesaian lain, walau apa pun pembelaan yang disediakan oleh defendan bersamanya, dan plaintif boleh menerima permintaan maaf, wang, atau penyelesaian lain itu dan menyelesaikan atau mengkompromi guaman itu dan memberhentikan tindakan itu di antara dia dan seorang defendan atau lebih tanpa merujuk kepada defendan-defendan lain: dengan syarat sentiasanya bahawa hak dan kepentingan defendan atau defendan-defendan lain tidak akan terjejas dengan apa jua cara.

Penyatuan  
tindakan  
kerana  
slander,  
dsb.

**20.** Seksyen 17, 18 dan 19 Akta ini adalah terpakai bagi tindakan kerana slander dan kepada slander titel, slander barang-barang dan lain-lain kepalsuan berniat-jahat sebagaimana ianya terpakai bagi tindakan kerana libel dan sebutan dalam mana-mana seksyen sedemikian mengenai libel yang sama atau libel secara substansialnya adalah sama hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Peruntukan  
peralihan dan  
kecualian.

**21.** (1) *(Ditinggalkan).*

(2) Tiada apa pun dalam Akta ini akan menyentuh peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain

*N. M. B.*  
*Bab 45.*

berhubungan dengan kesalahan-kesalahan jenayah atau terpakai bagi apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan jenayah.

**22. (Ditinggalkan).**

Mansuh.  
N.M.B.  
Bab 70.  
N.N.S.  
Bab 56.

JADUAL

(Seksyen 12 (1))

BAHAGIAN I

1. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding— [Gan.  
P.U. 179/65.]
  - (a) badan perundangan mana-mana bahagian Komanwel selain daripada di Malaysia;
  - (b) organisasi antarabangsa di mana Malaysia atau Kerajaannya adalah menjadi anggota;
  - (c) persidangan antarabangsa di mana Kerajaan menghantar seorang wakil;
  - (d) di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan bidang kuasa ke seluruh mana-mana bahagian Komanwel (sebagaimana ditakrifkan dalam Perlembagaan) di luar Malaysia atau mahkamah tentera yang diadakan di luar Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia atau di bawah mana-mana Akta Parlimen United Kingdom: dan
  - (e) suatu badan atau orang yang dilantik untuk mengadakan suatu siasatan awam oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri di dalamnya atau oleh badan perundangan mana-mana bahagian Komanwel di luar Malaysia.
  
2. Sesuatu salinan yang berpatutan dan tepat mengenai atau petikan daripada mana-mana daftar yang disimpan menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia yang terbuka untuk pemeriksaan oleh orang awam atau yang orang awam adalah berhak untuk mencari atau mengenai mana-mana dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang tersebut untuk dibuka bagi pemeriksaan oleh orang awam atau yang baginya orang awam adalah berhak mendapat salinan atas pembayaran fee.
  
3. Sesuatu notis, iklan atau laporan yang dikeluarkan atau diterbitkan oleh atau atas kebenaran mana-mana mahkamah dalam Malaysia atau mana-mana Hakim atau pegawai mahkamah tersebut atau oleh mana-mana pegawai awam atau penerima atau pemegang amanah yang bertindak mengikut kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis.

BAHAGIAN II

(Seksyen 12 (2))

PERNYATAAN YANG TERLINDUNG TERTAKLUK KEPADA HURAIAN  
ATAU SANGKALAN

1. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai dapatan atau keputusan mana-mana persatuan yang ditubuhkan di Malaysia bagi maksud—

- (i) memajukan atau menggalakkan penjalanan atau apa-apa kepentingan dalam mana-mana seni, sains, agama atau pembelajaran; atau
- (ii) memajukan atau melindungi kepentingan mana-mana tred, perniagaan, industri atau profesion atau orang yang menjalankan atau diguna-khidmat dalam tred, perniagaan, industri atau profesion itu atau kepentingan mana-mana permainan, sukan atau kegiatan masa luang yang orang awam dijemput atau diterimamasuk untuk bermain atau menjalankannya:

Dengan syarat bahawa dapatan atau keputusan itu berhubungan dengan orang yang menjadi anggota persatuan sedemikian atau tertakluk kepada kawasan persatuan itu menurut mana-mana kontrak dan persatuan tersebut diberi kuasa oleh perlembagaannya untuk menjalankan pengawalan ke atas atau untuk memberi keputusan ke atas perkara-perkara yang baginya dapatan atau keputusan itu berkaitan.

2. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding apa-apa mesyuarat awam yang diadakan di Malaysia.

3. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding di mana-mana mesyuarat atau persidangan di mana-mana bahagian Malaysia mengenai—

- (a) mana-mana pihak berkuasa tempatan atau jawatankuasanya; atau
- (b) mana-mana Suruhanjaya, tribunal, jawatankuasa atau orang yang dilantik bagi maksud apa-apa siasatan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau oleh Yang di-Pertuan Agong, atau oleh Raja, atau Yang di-Pertua Negeri mana-mana Negeri, atau oleh mana-mana pegawai awam mana-mana Kerajaan di Malaysia; atau
- (c) mana-mana tribunal, lembaga, Suruhanjaya, jawatankuasa atau badan lain sama ada diperbadankan atau tidak ditubuhkan dan menjalankan fungsi oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang

berkuatkuasa di mana-mana bahagian Malaysia atau Republik Singapura atau di bawah mana-mana waran lain yang sah di sisi undang-undang atau mana-mana kuasa bagi maksud-maksud awam:

Dengan syarat bahawa mesyuarat atau persidangan itu tidak akan menahan kemasukan wakil-wakil suratkhbar atau anggota awam yang lain.

4. Suatu laporan yang berpatutan dan tepat mengenai prosiding di mesyuarat agung di mana jua diadakan mengenai mana-mana syarikat berhad atau perbadanan di mana jua didaftarkan yang perniagaannya adalah dengan secara terusnya berkenaan dengan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana syarikat yang ditubuhkan, didaftarkan atau diperbadankan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia yang bukannya syarikat persendirian dalam erti Akta Syarikat 1965.

*Akta 125.*

5. Suatu salinan atau laporan yang berpatutan dan tepat atau ringkasan apa-apa notis atau perkara lain yang dikeluarkan bagi maklumat orang awam oleh atau bagi pihak mana-mana Kerajaan di Malaysia atau oleh mana-mana pegawai awam atau pihak berkuasa tempatan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 286

AKTA FITNAH 1957

(Disemak—1983)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta  
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
P.U. 179/65 ...	Perintah Ubahsuaian Undang-Undang (Fitnah) (Ubahsuaian dan Perluasan ke Negeri-negeri Borneo dan Singapura) 1965	6-5-1965
Ord. 18/59 ...	Ordinan Negeri Singapura 1959	3-6-1959

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA  
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Ord. P.T.M. No. 20 Tahun 1957	Ordinan Fitnah 1957.